

# Penambahan ikan kembung perkara normal

Sinar Harian 24/7/2018 m/s 11

**KUALA LUMPUR** - Peningkatan pendaratan ikan atau musim ikan yang berlaku sejak kebelakangan ini adalah perkara normal kerana sekarang merupakan musim ikan matang.

Jabatan Perikanan Malaysia dalam satu kenyataan berkata, trend pendaratan

ikan lazimnya menurun pada bulan Januari hingga Mac, namun meningkat mulai April setiap tahun.

Menurut kenyataan itu lagi, penambahan jumlah ikan di perairan Malaysia juga disebabkan pergerakan ikan itu yang masuk ke perairan negara dari Myanmar,

Thailand dan Indonesia.

"Berdasarkan kajian yang dijalankan Jabatan Perikanan Malaysia, stok ikan kembung akan mula tertangkap mulai April dan ia berkait dengan musim bertelur yang mengambil masa lapan bulan untuk matang.

"Ikan kembung juga me-

rupakan sumber yang dikongsi dengan negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar.

"Semasa bulan Julai, ikan ini berada di kawasan perairan Malaysia dan menyebabkan peningkatan sumber ikan lantas memberi keuntungan kepada nelayan," katanya.